

Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu Selangor telah meminta kerajaan meninggikan taraf pejabat-pejabat agama dan menghapuskan hotel-hotel serta rumah-rumah urut kalau mahu membaiki akhlak negeri ini.

Dan banyak lagi tuntutan – yang tentunya tuntutan tinggal tuntutan sebab Tengku Perdana Menteri sendiri, di dalam pengakuannya dengan akhbar asing menyatakan jika hotel-hotel, tempat-tempat judi, rumah-rumah urut dan sebagainya yang mendatangkan hasil kepada negara kalau ditutup, maka negara akan bankrap.

Dengan adanya yang demikian ini apakah yang akan diharap kalau diserahkan semuanya kepada kerajaan semata-mata. Oleh yang demikian sepatutnya janganlah kita banyak berkata tetapi beramal sendiri - melaksanakan keputusan itu supaya kita tidak termasuk di dalam golongan yang disebut Tuhan maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu mengucapkan apa yang kamu tidak perbuat? Sangat dibenci Tuhan, bahawa kamu ucapkan apa yang kamu tidak perbuat??

Beramallah! Dengan beramal kita menerima kejayaan.

* * *

Apa sudah jadi?

Satu kongres mengenai dengan kemajuan agama Islam di Malaysia telah diadakan sedikit masa dahulu dan keputusan mengenai seminar itu telah dihantarkan kepada kerajaan oleh Dato' Dr. Abdul Jalil Hassan dan Dr Sayyid Najib.

Semenjak itu apa kesan daripada seminar itu tidak nampak selain daripada keputusan yang bergemilang yang di antaranya mengenai bahagian dakwah Islam.

Di dalam bahagian dakwah Islam, selain mengharap kerajaan, dirumuskan juga supaya diadakan usaha-usaha menyatukan usaha-usaha dari perseorangan dan badan-badan dakwah tetapi sepanjang yang kita ketahui tidak ada usaha-usaha ini dijalankan hingga hari ini.

Jadi nampaknya keputusan tinggal keputusan – pelaksanaan dari badan yang menganjur kongres tidak ada - mereka menggantungkan segala-galanya, semuanya kepada kerajaan. Adakah yang demikian ini boleh diharap akan menghidupkan kemajuan beragama?

Kita hormati susah payah mereka memberi fikiran. Kita muliakan cita-cita mereka berkumpul dan bermesyuarat untuk mencari kebaikan tetapi syor itu sahaja tidaklah ada ertinya kalau tidak badan-badan perseorangan bekerja bersungguh-sungguh untuk menghidupkan semangat bekerja dan terus bekerja melaksanakan apa yang diputuskan itu. Kalau ini tidak dibuat harapan kepada kemajuan hanya tinggal diangan-ngan dan dikata-kata sahaja dan kerana itulah usaha bersama yang besar patut diusahakan terutamanya di dalam badan dakwah.

Jiwa tugas berdakwah mesti ditanam lebih dahulu baharu pelaksanaan dijalankan – itulah yang sebaik-baiknya.

Boleh jadi?

Salah satu syarat Israel untuk berdamai dan mahu

mengundurkan dirinya daripada tempat-tempat yang “disamunnya” di Timur Tengah ialah berunding terus dengan negara-negara Arab. Negara-negara Arab seluruhnya menolak berunding terus dengan Israel kerana apabila mereka menerima tuntutan itu bermakna negara-negara Arab telah mengiktiraf negara Israel – negara haram yang didirikan di tanah orang-orang Arab pada pandangan orang Arab dan Islam.

Banyak negara-negara di luar dari negara-negara Islam memandang patut dan ada pula yang memandang bahawa pengakuan negara-negara Arab kepada Israel di luar persoalan. Persoalannya yang timbul bahawa mungkinkah Amerika akan mengakui New York sebagai sebuah negara Israel, apabila dua *million* orang Yahudi merebut kekuasaan dan mengisytiharkan kebebasan?

Mungkinkah Amerika akan mengakui sebuah negara hitam kelak apabila orang-orang Negro di Amerika merebut kekuasaan dan menubuhkan sebuah negara di dalam Amerika dan mengisytiharkan kemerdekaan mereka sebagai yang timbul hari ini?

Bolehkah Jerman Barat mengakui sebuah kerajaan Israel di mana-mana di dalam tanahnya (negaranya) di dalam mengumpulkan pelarian Yahudi dari seluruh dunia kerana ganti rugi penyeksaan-penyeksaan Nazi ke atas mereka dahulu?

Kalau tidak? Kemudian mengapa orang-orang Arab diminta mengakui negara Israel yang ditegakkan di tanah air mereka? Bolehkah orang-orang

Arab disuruh berbuat demikian pada hal orang-orang Arab tidak pernah melakukan hal-hal tidak berperikemanusiaan terhadap orang-orang Yahudi seperti yang dilakukan oleh orang-orang Eropah?

Australia terutamanya atau Kanada, tanahnya yang begitu luas pernah menawarkan pelarian-pelarian Arab berpindah ke sana barang setengah *million* orang tetapi mengapa mereka tidak menjemput orang-orang Yahudi yang “dahulu” dari Eropah supaya membuat negaranya di sana padahal mereka hanya lebih kurang dua *million* orang? Mengapa tidak dipindahkan sahajav

daripada negara Arab yang tidak reda tanah air mereka diserahkan oleh “kebaikan” penjajah kepada Yahudi dengan tidak disukainya?

Di dalam peristiwa yang berlaku di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu dapat dilihat bahawa persoalan negara-negara Arab ini keseluruhannya di belakangnya berdiri negara-negara Islam kerana jatuhnya tanah suci Bait-ul Maqdis kepada *Şahyūnī* maka timbullah kepada umat Islam seluruhnya kewajipan jihad pada jalan Allah. Oleh yang demikian tugas untuk mengeluarkan *Şahyūnī* dari seluruh negara-negara Arab bukannya sahaja tugas umat Arab tetapi telah dipandang oleh

umat Islam sebagai tugas mereka bersama.

Kerana itu pemimpin-pemimpin Arab wajib sedar akan betapa beratnya umat Islam mengambil berat di dalam soal ini dan kerana itu maka telah tibalah wajibnya bagi mereka mengadakan persidangan-persidangan kemuncak negara-negara Arab yang memikirkan melanjutkan usaha itu bagi mengadakan sidang kemuncak negara-negara Islam.

Perkara ini sangat mustahak disegerakan kerana mereka tidak reda berlama-lama Baitul Maqdis itu terletak di bawah cengkaman kuku besi Yahudi.



Sebahagian daripada orang-orang pelarian Arab Palestin yang telah berjaya melepaskan diri dari kezaliman tentera-tentera Israel di kawasan Ramallah. (Gambar dipetik daripada *al-Nadwah*)